

Headline **Kayuh basikal solo ke London**  
Date **16 Sep 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **14**  
Article Size **364 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **16,036**  
PRValue **48,108**



# Kayuh basikal solo ke London

## Kegagalan misi pertama ke Beijing tak patahkan semangat bekas guru

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi**  
[mnasaruddin@bharian.com.my](mailto:mnasaruddin@bharian.com.my)

**P**ETALING JAYA: Bekas guru, Adnan Osman, 69, yang akan memulakan kayuhan secara solo merentasi Kuala Lumpur ke London bermula 25 September ini terus bersemangat bagi mencapai misinya ke Sukan Olimpik London dijadualkan Julai tahun depan.

Beliau yang sebelum ini kecewa dalam misi pertamanya ke Sukan Olimpik Beijing, China selepas gagal mendapatkan visa, yakin kejadian sama tidak berulang lagi.

"Saya tidak mahu perkara sama berulang dan sebab itu, saya kini sudah menyiapkan segala dokumen diperlukan termasuk pasport dan visa selain persediaan mental dan fizikal.

"Kelengkapan keselamatan termasuk pakaian sesuai menghadapi musim sejuk di beberapa negara yang direntasi nanti sudah disediakan, selain menjalankan beberapa pemeriksaan kesihatan bagi memastikan tidak ada kejadian tidak diingini berlaku," katanya ditemui selepas upacara pelepasan simbolik dalam rancangan *Malaysia Hari Ini* (MHI) di Sri Pentas, di sini, semalam.

\* Kayuhan yang bermula minggu depan selama 10 bulan dijangka merentasi 13 negara pelbagai musim sebelum berakhir pada majlis pembukaan Sukan Olimpik di England tahun depan.

Katanya, dalam tempoh kayuhan itu, beliau akan ditemani anaknya yang akan bersama mengiringi kayuhan bermula di India dan kemungkinan beberapa kumpulan tempatan turut serta terutama bagi kayuhan ke Thailand nanti.

"Minggu depan, saya memulakan kayuhan diiringi beberapa pasukan sehingga ke Thailand, sebelum meneruskan kayuhan hingga ke India dan ketika di sana nanti, anak saya akan mula mengiringi misi ini sehingga tamat.

"Paling penting, saya boleh memulakan kayuhan dengan baik, selain mahu menunjukkan kepada semua rakyat Malaysia bahawa ki-

Headline **Kayuh basikal solo ke London**  
Date **16 Sep 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **14**  
Article Size **364 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **16,036**  
PRValue **48,108**

ta mampu melakukan misi seperti ini," katanya yang yakin faktor usia bukan penghalang melakukan sebarang kayuhan atau aktiviti seperti ini.

Beliau yang mesra dipanggil 'Cikgu Adnan' turut mengajak

rakyat Malaysia memberi sokongan bagi memastikan misi ini tercapai, malah segala tajaan diterimanya sebelum ini akan diserahkan kepada Yayasan Aids Malaysia (MAF) untuk skim Positive, Audacious, Living (PAL).

Selain itu, Adnan yang aktif dalam aktiviti lasak termasuk maraton, larian dan pendakian, berhasrat berkayak mengelilingi Semenanjung Malaysia yang dijadualkan dilakukannya selepas menamatkan misi ke London nanti.

"Itu misi seterusnya dan mungkin persediaan akan dilakukan selepas menamatkan misi ke London," katanya.



*Paling penting, saya boleh memulakan kayuhan dengan baik, selain mahu menunjukkan kepada semua rakyat Malaysia bahawa kita mampu melakukan misi seperti ini*

**Adnan Osman**  
Bekas guru



ADNAN (tengah) bersama Timbalan Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia, Datuk Naim Mohamad (kiri); Bendahari Kehormat Yayasan AIDS Malaysia, Datuk Maznah Abdul Jalil, Pengarah Urusan UFL Sdn Bhd, Datuk Radha Krishnan (dua dari kanan) dan Pengarah Eksekutif UFL, Datuk Malek Noor pada majlis penyampaian tajaan di Wisma UFL, Damansara, baru-baru ini.